

03/02/2003

Tarikh pilihan raya terus jadi perbincangan hangat

Kadir Dikoh

ISU sanggup untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang, barisan Kabinet Perdana Menteri yang baru dan pengguguran muka lama, hangat dibincangkan secara terbuka menerusi media massa sejak kebelakangan ini.

Dalam pada itu juga, teka-teki mengenai tarikh pilihan raya umum akan datang turut diselitkan, terutama ketika perbincangan di warung kopi.

Ada

yang kata pilihan raya diadakan sebelum Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara Oktober ini. Maka Julai, Ogos atau September menjadi pilihan.

Ada pula yang percaya, pilihan raya umum akan datang tidak mungkin diadakan pada tahun ini kerana pilihan raya itu nanti bakal menguji 100 peratus kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengambil

alih jawatan Perdana Menteri daripada Dr Mahathir mulai November ini.

Maka

Februari, Mac atau April 2004 menjadi pilihan.

Jika betul pilihan raya itu sebelum Oktober, maka Perdana Menteri perlu

meletakkan jawatan sebelum Oktober - sesuatu yang tidak mungkin apatah lagi dengan Malaysia sebagai tuan rumah Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 16 hingga 18 Oktober ini.

Tetapi dalam politik, segalanya berkemungkinan. Lagipun, Dr Mahathir sendiri sudah mengumumkan tidak mahu bertanding. Maknanya, beliau tidak boleh lagi memegang jawatan Perdana Menteri selepas pilihan raya jika ia diadakan sebelum Oktober kecuali dilantik sebagai senator terlebih dulu.

Tetapi kenyataan terbaru Dr Mahathir, 26 Januari lalu, bahawa timbalannya, Abdullah, akan memilih sendiri calon untuk pilihan raya umum

akan datang, boleh dibaca bahawa pilihan raya kemungkinan besar diadakan selepas Oktober ini.

"Saya rasa ia akan memberi peluang kepada Pak Lah mengatur semula segala-segalanya. Pertama (kerana) sesetengah daripada kita telah berada sekian lamanya, ada yang sama tempoh seperti sejak saya menjadi Perdana Menteri dan dilantik oleh saya.

"Jadi, saya berpendapat Pak Lah harus diberi peluang membuat pelantikannya sendiri," katanya di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia

di Subang sebaik pulang dari lawatan kerja ke luar negara, sebagai mengulas kenyataan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, Rabu lalu bahawa beliau dan semua anggota Exco kerajaan negeri itu sanggup tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Sejak itu, perbincangan mengenainya hangat dan terbaru, kenyataan Presiden

Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik, bahawa semua anggota Kabinet mesti

turut berundur apabila Dr Mahathir berundur Oktober ini bagi membolehkan Abdullah membentuk Kabinet sendiri.

Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah politik negara dari zaman Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj kepada Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn sehingga kepada Dr Mahathir. Yang ada cuma beberapa muka lama digugurkan sama ada serta-merta atau secara berperingkat.

Hanya Dr Mahathir mengetahui tarikh sebenar pilihan raya diadakan. Itu hak Perdana Menteri. Namun, Abdullah juga mungkin mengetahui tarikh sebenar itu kerana sebagai bakal Perdana Menteri, beliau perlu diberitahu kerana kesan pilihan raya itu bakal dipikulnya.

Penganalisis politik dan bekas ahli akademik, Ahmad Shabery Chik, berkata lebih baik pilihan raya diadakan selepas Oktober kerana Malaysia menjadi tuan rumah OIC.

Katanya, sidang OIC akan memperlihatkan Malaysia sebagai kerajaan dan parti yang diiktiraf pemimpin Islam dunia.

"Memandangkan ancaman sebenar kepada Barisan Nasional (BN), terutama Umno, adalah Pas, maka pengajuran OIC memberi kelebihan dan kekuatan baru kepada Umno dalam menghadapi Pas.

"Keadaan ini juga akan memudahkan kerja kami pemimpin bawahan untuk berdepan rakyat," katanya yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Kemaman.

Malah, katanya, Dr Mahathir sudah menyatakan tidak bertanding pada pilihan raya kali ini dan terus memegang jawatan Perdana Menteri sehingga sidang OIC, Oktober nanti.

Oleh itu katanya, pilihan raya boleh diadakan akhir tahun ini atau awal tahun depan dan sentuhan terakhir Dr Mahathir masih boleh dilakukan, bergantung kepada sama ada BN masih dipimpin olehnya atau tidak.

"Apakah beliau meletak semua jawatan selepas OIC nanti atau meletak jawatan Perdana Menteri saja tetapi masih kekal sebagai Presiden Umno dan Pengerusi BN, dan dengan itu masih boleh mengetuai BN pada pilih raya nanti," katanya.

Ketua Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Rashila Ramli, pula berkata lazimnya pilihan raya umum diadakan bergantung kepada keadaan ekonomi dan politik semasa.

"Pada saya, ekonomi sudah pulih, begitu juga keadaan politik. Kestabilan ini penting bagi menghadapi pilihan raya," katanya.

Beliau tidak menolak kemungkinan Dr Mahathir masih mengetuai pilihan raya akan datang kerana selepas itu, Abdullah akan mempunyai lebih banyak masa, iaitu lima tahun bagi memperbaiki segala kelemahan untuk mengharungi pilihan raya pertamanya sebagai Perdana Menteri.

Tetapi Ketua Penerangan Umno Kelantan yang baru, Mohd Alwi Che Ahmad, berkata soal mengadakan pilihan raya tidak perlu dibuat secara terburu-buru dan tidak timbul sama ada Dr Mahathir atau Abdullah yang mengetuai jentera BN nanti.

"Sebelum pilihan raya umum, pastikan Umno betul-betul kuat, asuh bakat baru dan gilap mereka ini. Kita perbetulkan segala kelemahan, kemudian kita adakan pilihan raya.

"Jangan kita nak mengadakan pilihan raya bila Dr Mahathir nak berhenti.

Kita ada masa 22 bulan lagi sebelum tempoh kerajaan sekarang berakhir.

"Dalam tempoh ini kita buat persediaan rapi. Kita mantapkan jentera Umno di Kelantan, Terengganu, Kedah dan di seluruh negara," katanya yang juga Timbalan Ketua Umno bahagian Peringat.

Beliau berkata, Umno dan kerajaan yang mantap sejajar dengan hasrat Dr Mahathir yang mahu menyerahkan baton kepemimpinan kepada Abdullah dalam keadaan yang kukuh apabila bersara nanti.

"Jika Dr Mahathir yang mengetuai pilihan raya, orang akan bercakap mengenai rekod cemerlangnya. Jika Pak Lah mengetuainya pula, maka kita boleh bercakap mengenai kesinambungan," katanya.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, berkata pihaknya tidak menghiraukan sama ada pilihan raya itu diadakan sebelum atau selepas Perdana Menteri bersara.

Katanya, ini kerana Pas tidak gentar berdepan dengan BN dan Umno pada pilihan raya umum nanti kerana ia sudah bersiap sedia.

"Kita dah bagi taklimat persiapan pilihan raya pada pelbagai peringkat untuk mengatur strategi dan yakin Pas boleh menawan beberapa negeri lagi.

Saya tak mahu sebut negeri mana.

Antara yang diberi perhatian pada pilihan raya umum akan datang ialah apakah BN dan Umno mampu menawan semula Kelantan dan Terengganu?

Bolehkah

BN mematahkan kemunculan Pas di Kedah, Perlis dan Pahang?

Malah, pengumuman Dr Mahathir mengenai perubahan drastik barisan kepemimpinan Umno Kelantan baru-baru ini, mencetuskan kemungkinan pilihan

raya umum diadakan pada tahun ini.

Pengumuman rombakan itu turut dirasai kebanyakan Umno negeri dan di sesetengah negeri, dikatakan ada pemimpinnya terutama muka lama yang mula

tidak lena tidur.

Apakah penukaran kepemimpinan Umno negeri dan meletakkan calon muka baru

menjamin kemenangan pada pilihan raya umum akan datang?

"Yang penting ialah campuran muka baru yang berpotensi dan muka lama yang masih boleh berkhidmat. Kombinasi ini mesti ada. Masih ramai muka lama yang masih boleh memberi khidmat.

"Umumnya mesti perubahan. Yang penting keupayaan orang itu berkhidmat dan memenuhi harapan rakyat bawahan," kata Mohd Alwi yang juga juruukur tanah.

Ahmad Shabery pula berpendapat, sebarang rombakan Umno peringkat negeri

bergantung kepada keberkesannya, lebih-lebih lagi di Terengganu dan Kelantan.

"Seperti yang saya katakan, seseorang mesti ditonjolkan sebagai pemimpin

dan dalam kes di Terengganu, mesti ada alternatif kepada Menteri Besar (Datuk Seri Abdul Hadi Awang). Keadaan mesti jelas, iaitu jika Umno menang, siapakah calon Menteri Besar.

"Sesiapa saja boleh ditonjol asalkan ada fokus ke arah itu dan bagi kami, Datuk Idris Jusoh adalah alternatif terbaik. Kemudian kita fokus

kepada isu lain setelah kita mengenal pasti calonnya.

"Jangan kata mesti menang dulu, baru nak fikir atau pilih calon Menteri

Besar. Pilih dulu, siapa orangnya, umumkan dan keadaan jelas ini akan memudahkan kerja bagi menonjolkan orang itu dan kemudian kita fokus bagaimana kita mahu membawa pembangunan," katanya sambil menambah Kelantan

perlu juga berbuat demikian.

Mohd Alwi mengakui memang perlu seseorang 'jaguh' diwujudkan tetapi percaya usaha berbuat demikian tidak boleh dilakukan segera kerana mengambil masa seperti yang Pas lakukan terhadap Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

"Pas mengambil masa 30 tahun untuk membentuk Nik Aziz yang sudah menjadi

Ahli Parlimen sejak 1969. Bagi Umno Kelantan, kita perlu mengenal pasti orang yang betul untuk digilap bagi tujuan itu dengan mempunyai personaliti yang baik, tak kira siapa," katanya.

Beliau mengakui tanggapan rakyat Kelantan agak berbeza dan seseorang yang hendak ditonjolkan perlu ada 'keris', iaitu jawatan tertentu dalam kerajaan bagi mendapat pengaruh dengan lebih mudah serta berkesan.

Nescaya, cabaran pada pilihan raya umum kali ini amat sengit, apatah lagi dalam keghairahan Pas bukan saja untuk mempertahankan Kelantan dan Terengganu, malah mensasarkan Perlis, Kedah dan Pahang untuk ditawan.

Mengenai bila pilihan raya diadakan, segala-galanya terletak di tangan Dr Mahathir. Cuti panjangnya selama dua bulan mulai Mac ini mungkin memberi ruang kepadanya untuk membuat keputusan sama ada mahu pilihan raya

diadakan semasa hayatnya sebagai Perdana Menteri atau selepas bersara.

Jika beliau mahu pilihan raya diadakan selepas Oktober ini, maka tarikh

sebenarnya pilihan raya umum itu nanti, ditentukan oleh Abdullah selaku Perdana Menteri yang baru.

Lagipun, Dr Mahathir sendiri sebelum ini berjanji akan tetap turun ke padang bagi membantu BN dan Umno walaupun sudah bersara.

Namun, beberapa isu utama mungkin perlu diselesaikan terlebih dulu sebelum mengadakan pilihan raya.

Ini termasuk isu pengundi hantu serta pertukaran alamat pengundi yang perlu dibersihkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) selain persempadanan

semula kawasan yang dijangka hanya boleh digunakan selepas Jun nanti.

Masalah dalaman parti komponen juga perlu ditangani seperti MCA yang terbahagi dua. Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP), yang ditubuhkan berikutan pembatalan pendaftaran Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dan baru

diterima ke dalam BN, pula perlu diberi masa untuk memulihkan semula jenteranya, termasuk mengambil semula bekas ahli Snap.

Malah, ketiadaan isu nasional yang menggemparkan, memberi keadaan kondusif kepada BN, apatah lagi ketika kerjasama antara parti pembangkang,

khususnya Pas dan DAP, tidak boleh diteruskan.

Cuma isu Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan penutupan dua Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Terengganu yang perlu ditangani sebaik mungkin kerana

isu ini mudah menyentuh hati rakyat bawahan.

